

BATU GAJAH MTB CHALLENGE 2022

KEJAYAAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
DALAM PERTANDINGAN PENGUMPULAN
BUANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E-
WASTE) SEMENA HARI ALAM SEKITAR
NEGARA 2022 PERINGKAT NEGERI PERAK



Lagi berita di halaman seterusnya...

Lagi berita di halaman seterusnya...



Batu Gajah MOUNTAIN BIKE CHALLENGE 2022

THE TREASURE @ TAMAN HERBA GOPENG | 11 DISEMBER 2022

Batu Gajah, 11 DISEMBER 2022 - Batu Gajah Mountain Bike Challenge 2022 telah berjaya dianjurkan setelah kali terakhir program ini berlangsung pada tahun 2018. Seramai lebih 300 orang peserta yang meminati sukan basikal lasak telah menyertai program pada kali ini.

Pegawai Daerah Kinta, Tuan Meor Hezbullah bin Meor Abd Malik menyempurnakan pelepasan para peserta Batu Gajah Mountain Bike Challenge 2022 di The Treasure@Taman Herba Gopeng.



"Penganjuran program ini juga bertepatan untuk melahirkan masyarakat yang lebih sihat dan berdaya saing selain mampu mengukuhkan ukhwa dan tali persaudaraan," katanya ketika memberi ucapan aluan.

Kejohanan yang menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM 12,760.00 itu turut melibatkan tujuh kategori mengikut had umur dan jantina.

Antara kategori yang dipertandingkan adalah terbuka, veteran (50 tahun ke atas), junior (18 tahun ke bawah) dan heavyweight (90kg ke atas).

Selain itu, beliau berkata, pihaknya turut merakamkan penghargaan kepada kerajaan negeri, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak, Tourism Perak Malaysia, dan pihak The Treasure@Taman Herba Gopeng yang membantu dalam menjayakan kejohanan berkenaan.

"Terima kasih di atas sokongan anda semua dan kita harap akan lebih ramai lagi pihak lain termasuk individu perseorangan membantu untuk menjayakan program tersebut di masa akan datang," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berharap untuk menjadikan kejohanan itu sebagai acara tahunan sekali gus menjadi pemangkin dalam usaha menarik minat golongan belia untuk bergiat aktif dalam sukan basikal lasak.





SENARAI PEMENANG

KATEGORI MEN MASTER

1.	Mohd Zukri Bin Tahir
2.	Azran Ridzwan (Team Ratio)
3.	Mohd Solleh Halim Bin Mohd Sokhi
4.	Khairulnizal Mohamad
5.	Muhamad Iruwan Salleh

KATEGORI MEN VETERAN

1.	Tan Chee Yong
2.	Zulkiffli Bin Abd Ghani
3.	Muhamad Razli Bin Ibrahim
4.	Jamaluddin Bin Makmun
5.	Mohamad Rasul Bin Basri

KATEGORI MEN OPEN

1.	Mohd Hafiz Bin Rozli
2.	Abdul Halim Bin Hasan
3.	Muhammad Zahin Bin Wahhi
4.	Zulfadli Iswadi Bin Zainal
5.	Mohd Hanif Bin Ahmad

KATEGORI MEN JUNIOR

1.	Sheikh Muhammad Harith Bin Sheikh Mohd Noh
2.	Muhammad Haziq Danish Bin Norizam
3.	Muhammad Afif Bin Mohd Amirruddin (Nilai Cyclingteam)
4.	Adam Airiel Bin Nazim
5.	Nidal Iskandar Jasmin Bin Farid Iskandar Jasmin

KATEGORI HEAVYWEIGHT

1.	Azri Bin Mardi
2.	Fadzli Ridzal Bin Mohd Nawawi
3.	Muhammad Hedzri Bin Hasnan (Moreira 2.0)
4.	Mohammad Fauzi Bin Rosli
5.	Mohd Syed Faridzul B Abdul Wahab

KATEGORI SUPERMAMA

1.	Sue Teoh
2.	Norsyuhadah Mohd Hidzir
3.	Noorhafizoh Binti Abdullah
4.	Norazlina Binti Jamalluddin
5.	Norazimahzun Che Noh

KATEGORI WOMEN OPEN

1.	Assyira Zainal Abidin
2.	Nurul Balqish Binti Mohd Hissam
3.	Nurkhairunnisatul Aina Bt Mohd Fadzli
4.	Aznurlida Binti Nor Azmi
5.	Nur Syazwani Bt. Mohd Suhaimi

TAHNIAH DIUCAPKAN!





Tahniah!

Anugerah Bandar Berdaya Huni Tahap Tinggi 2021

Anugerah ini diberikan kepada 29 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui pengukuran Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM) dibawah Agenda Malaysia Berdaya Huni.

Tahniah Majlis Daerah Batu Gajah, semoga dapat menjadi Bandar Berdaya Huni Tahap Tertinggi di tahun - tahun akan datang.



Sempena
Majlis Pelancaran
Indeks
Daya Huni
Malaysia (iDAM)

Tahniah!

Pertandingan Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (E-WASTE) Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak

29 Oktober 2022-Majlis Daerah Batu Gajah telah memenangi 3 kategori bagi Pertandingan Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (E-Waste) Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak. Penyampaian hadiah telah dilaksana hari ini bertempat di Aeon Big Falim.

Majlis Daerah Batu Gajah telah memenangi Tempat Kedua Kategori Pihak Berkuasa Tempatan bagi Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik Terbanyak, Tempat Ketiga Kategori Pihak Berkuasa Tempatan bagi Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik Terbanyak Mengikut Populasi Penduduk dan Tempat Kedua Kategori Penganjur Bilangan Program Pengumpulan E-waste Terbanyak.

Tahniah diucapkan kepada komuniti di dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah yang sentiasa memberi sokongan demi kelestarian generasi akan datang. Semoga kelestarian alam sekitar dapat sama-sama kita kekalkan.





Program - Program Menarik Sepanjang Bulan Kemerdekaan Ke - 65 Anjuran Majlis Daerah Batu Gajah

Pelbagai aktiviti menarik yang dianjurkan sebagai usaha pentadbiran ini dalam memupuk semangat dan jiwa patriotisme dalam kalangan komuniti setempat.

Antara program yang dianjurkan adalah :

Pertandingan Keceriaan Landskap Sempena Bulan Kemerdekaan Kategori Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah

Pertandingan Video Kreatif Bulan Kemerdekaan Peringkat Komuniti

Pertandingan Fotografi Individu dengan tema "Saya Anak Malaysia - Dari Batu Gajah jer.."

Townhall Meeting Komuniti bersama Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah

Batu Gajah Bersih, Hijau, Indah - Plogging@Padang Bandaran Batu Gajah.

Pengurangan 50% Kompaun Parkir

Tahniah!

BERTANDINGAN FOTOGRAFI INDIVIDU DENGAN TEMA
"SAYA ANAK MALAYSIA - DARI BATU GAJAH JER.."



AHMAD SHAHRIL BIN NORLEE

Lokasi : Kelie's Castle

Deskripsi Gambar :

Istana Kelie di bina pada tahun 1905. Bangunan ini mempunyai 14 bilik, sebuah bilik bawah tanah dan terowong rahsia. Ia juga dilengkapi dengan lift yang merupakan lift pertama di tanah Melayu. Saya memilih istana Kelie kerana bangunan merupakan tempat yang paling banyak menerima pelancong luar di dalam kawasan Mallis Daerah Batu Gajah. Model saya memakai 'Baju' bertamakan warna-warna berbeza sembarua bulan kemerdekaan dan hari Malaysia.



NOR FARISHA AZ-ZAHRA

Lokasi : Court House



MUHAMMAD RAYYAN RIFQI BIN HELMI

Lokasi : Tanjung Tualang Tin Dredge No. 5 (T15)

AI QUAD CAMERA
Shot by Fujifilm

2022/08/21 11:11

MUHAMAD FITRI BIN ABDUL RAHMAN

Lokasi : Laman LA Batu Gajah

Deskripsi Gambar :

Indahnya Batu Gajah dengan lukisan mural yang akan mengingatkan kita erti sejarah di Batu Gajah





KAWASAN RUKUN TETANGGA (KRT), TAMAN TASEK PUTRA



AZLIN BINTI NORAZMAN



Tahniah!

PERTANDINGAN VIDEO KREATIF SEMPENA
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN TAHUN 2022



SEKOLAH KEBANGSAAN SULTAN YUSSUF



JABATAN KESIHATAN AWAM DAN PERKHIDMATAN
PERBANDARAN, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Tahniah!

PERTANDINGAN KECERIAAN LANDSKAP SEMPERA
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN TAHUN 2022



SEKOLAH KEBANGSAAN SULTAN YUSSUF

SEKOLAH KEBANGSAAN CHANGKAT TIN



PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN DI HARI TERBUKA MASJID DAN KARNIVAL BELIA MASJID TOH PUAN BESAR HATIJAH

15 Oktober 2022 - Sesi penyampaian hadiah Pertandingan Bulan Kemerdekaan telah disempurnakan semasa berlangsungnya Hari Terbuka Masjid dan Karnival Belia Masjid Toh Puan Besar Hatijah. Pelbagai program menarik disediakan selama dua (2) hari karnival berlangsung yang bermula pada hari ini.

Pemenang Pertandingan Fotografi Bertemakan Saya Anak Malaysia-Dari Batu Gajah Jerr, Pertandingan Video Kreatif Sempena Bulan Kemerdekaan serta Pertandingan Keceriaan Landskap Antara Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah telah dijemput untuk menerima hadiah pada hari ini. Hadiah telah disampaikan oleh Tuan Mohamad Razif bin Ramli, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pemenang. Terima kasih atas sokongan yang diberikan.





HARI TERBUKA MASJID & **KARNIVAL BELIA** MASJID TOH PUAN BESAR HATIJAH

15 - 16 OKTOBER 2022 | 7.00 PAGI - 7.30 MALAM

15 OKTOBER

PERASMIAN & PELEPASAN PESERTA PLOGGING

SOOPA DOOPA

KULIAH DHUHA KHAS (USTAZ SHAH SHANMUGAM)

DEMONTRASI KESELAMATAN

1. PENCEGAHAN KEBAKARAN - BOMBA PENYELAMAT
2. CPR /TERCEKIK - ST.JOHN

PERTANDINGAN AZAN
(KATEGORI - 7-12 THN / 12-18 THN)

WANITA & BELIAWANIS

1. PERTANDINGAN SOLEKAN
2. PERTANDINGAN GUBAHAN BUNGA

KULIAH ASAR KHAS (USTAZ AMRAN BOLLYWOOD)

SUKAN RAKYAT

KULIAH MAGHRIB KHAS (USTAZ HALIM DIN)

15 - 16 OKTOBER 2022

1. PAMERAN KERJAYA
2. PENGUMPULAN MINYAK MASAK
3. GERAI GUNTING RAMBUT
4. GERAI BAIKI MOTOSIKAL
5. GERAI JUALAN BASAH
6. GERAI JUALAN KERING
7. KEMPEN DERMA DARAH
8. KAUNTER PEMBAYARAN

16 OKTOBER

PERASMIAN & PELEPASAN PESERTA, MOTOSIKAL BERKUASA TINGGI & KAYUHAN BASIKAL

KURSUS PENYEMBELIHAN AYAM

PERTANDINGAN SEPAK RAGA BULATAN

PERTANDINGAN MEWARNA (7 - 12 TAHUN)

PERSEMBAHAN SILAT

PEMBERIAN BANTUAN MAKANAN KEPADA ANAK-ANAK AYATIM / ASNAF

KULIAH ZOHOR KHAS (USTAZAH NURUL HIDAYAH)

SUKAN RAKYAT

FORUM BICARA



PROGRAM PENGINDAHAN TAMAN AWAM MENARA TANJAK SECARA TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) MAJLIS DAERAH BATU GAJAH BERSAMA MURATA ELECTRONICS (M) SDN BHD



23 Julai 2022 - Inisiatif Majlis Daerah Batu Gajah bersama Murata Electronics (M) Sdn. Bhd dalam mendidik komuniti menjaga alam sekitar dazahirkan menerusi program pada hari ini. Pelbagai program telah disediakan antaranya Kaunter Eco Green Market, E-waste, cabutan bertuah, kuiz alam sekitar, taklimat baja kompos dan banyak lagi.

Jumlah penyertaan dari agensi, institusi pendidikan dan komuniti yang sangat memberansangkan menunjukkan betapa komitednya warga Batu Gajah dalam usaha bersama melestarikan alam sekitar.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada warga Batu Gajah!



SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT DAERAH KINTA

8 Oktober 2022 - Telah berlangsung Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Daerah Kinta yang telah diadakan di Padang Bandaran Batu Gajah.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya seperti Fit For Run, Senaman Aerobik, Pertandingan Mewarna dan lain-lain lagi. Selain itu, *booth* dari pelbagai agensi juga telah dibuka seperti pemeriksaan kesihatan, kaunter kutipan cukai tanah dan lain-lain bagi manfaat pengunjung yang hadir.

Semoga aktiviti riadah seperti ini dapat dibudayakan agar komuniti penduduk Batu Gajah kekal sihat dan aktif.



27 OGOS 2022

PROGRAM PLOGGING@PADANG BANDARAN BATU GAJAH

Telah berlangsung dengan jayanya Program Plogging @ Padang Bandaran Batu Gajah. Terima kasih diucapkan kepada agensi kerajaan/swasta, sektor pendidikan dan komuniti penduduk Batu Gajah yang hadir memberi sokongan.



03 SEPTEMBER 2022

BOOTH PAMERAN DAN KAUNTER BAYARAN MDBG SEMPENA PROGRAM MERDEKA @ KOMUNITI KELUARGA MALAYSIA, PARLIMEN GOPENG SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-65

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Raia Mesra telah mengadakan booth pameran sempena Program Merdeka @ Komuniti Keluarga Malaysia, Parlimen Gopeng Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-65.

Kaunter perkhidmatan MDBG juga dibuka kepada komuniti setempat bagi urusan berikut :

- Bayaran cukai taksiran
- Bayaran kompaun
- Semakan dan cetakan bil cukai taksiran
- Aduan awam
- Pendaftaran e-kasih

Selain MDBG, agensi lain juga terlibat dalam program pada hari ini antaranya Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Pejabat Kesihatan yang turut membuka booth pameran masing-masing. Tahniah dan syabas diucapkan kepada KRT Taman Raia Mesra atas program bermanfaat yang dianjurkan. Semoga komuniti penduduk lain dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah dapat mencontohi program seperti ini.




24 SEPTEMBER 2022

MAJLIS PERASMIAN PAPAN HERITAGE GALLERY

Inisiatif Ketua Kampung Papan bersama Persatuan Papan Heritage Work Group dan badan profesional merangkumi bidang teknikal, landskap, adat dan istiadat Melayu serta Majlis Daerah Batu Gajah bagi membangunkan sektor pelancongan Papan.

Semoga usaha ini berjaya dan mendapat kerjasama dari seluruh komuniti penduduk dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah



27 SEPTEMBER 2022

LAWATAN PENANDA ARAS MAJLIS PERBANDARAN SEPANG KE SPOT PELANCONGAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Majlis Daerah Batu Gajah berbesar hati menerima kunjungan Majlis Perbandaran Sepang ke Tanjung Tualang Tin Dredge No. 5 (TT5) dan Kellie's Castle. Rombongan yang diketuai YBhg Dato' Haji Hamid bin Hussain, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang disambut mesra oleh Tuan Mohamad Razif bin Ramli, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah.

Semoga penerangan yang diberi dapat memberi input-input yang diperlukan.



Sesi Libat Urus

07 JULAI 2022

SESI LIBAT URUS BERSAMA KOMUNITI PENGILANG DALAM KAWASAN OPERASI MAJLIS DAERAH BATU GAJAH BAGI ISU ASRAMA PEKERJA

Sesi libat urus bersama komuniti pengilang telah diadakan di Dewan Bandaran Kinta Batu Gajah. Inisiatif ini dilaksanakan bertujuan bagi memberi peluang kepada pengilang yang terlibat berkaitan memberi dan mendapatkan input penting mengenai isu asrama pekerja ini.

Sesi soal jawab yang diadakan mendapat sambutan yang luar biasa daripada pengilang dan komuniti yang dijemput. Semoga input yang diberikan dapat membantu para pengilang dalam menyelesaikan isu yang dibangkitkan.



02 SEPTEMBER 2022

SESI LIBAT URUS BERSAMA KOMUNITI PENIAGA PASAR AWAM BATU GAJAH DAN SESSI PENYERAHAN KUNCI GERAI

Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah mengadakan sesi libat urus bersama peniaga Pasar Awam Batu Gajah. MDBG berharap kepada mereka yang berjaya agar dapat menjaga kemudahan yang disediakan dengan baik dan amanah. Tahniah diucapkan kepada peniaga yang berjaya.



Program Gotong-Royong

03 Ogos 2022

Satu program gotong-royong sempena Kempen Pasar Awam Bersih Pasar Awam Batu Gajah Bagi Tahun 2022 telah dilaksana di Pasar Awam Batu Gajah. Turut hadir bersama ialah Tuan Mohamad Razif bin Ramli, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah, ahli majlis dan warga kerja Majlis Daerah Batu Gajah.

Terima kasih kepada peniaga pasar awam yang turut hadir dan menjayakan program. Semoga inisiatif ini dapat membudayakan amalan penjagaan kebersihan pada kita semua.



28 Ogos 2022

Inisiatif penduduk Dataran Bemban Jaya dalam menjaga kebersihan taman wajar dipuji. Permohonan dilaksana mengikut garis panduan libat urus komuniti yang disediakan agar dapat dilaksana bersama.

Skop gotong-royong yang dilaksana pada hari ini melibatkan pemangkasan pokok dan pembersihan kawasan sekitar taman.



03 SEPTEMBER 2022

Taman Desa Tronoh dengan kerjasama Majlis Daerah Batu Gajah telah mengadakan gotong-royong perdana sempena Bulan Kebangsaan tahun 2022.

Skop gotong-royong yang dilaksana pada hari ini adalah pemangkasan pokok, pembersihan longkang serta penanaman pokok bunga hiasan. Selain Majlis Daerah Batu Gajah dan komuniti penduduk, Puncak Emas Infra Sdn. Bhd. juga terlibat dalam program ini.


Tahniah dan terima kasih diucapkan atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak terlibat sepanjang program ini berlangsung.





Park@Perak

ALTERNATIF PEMBAYARAN CAJ LETAK KERETA MELALUI TELEFON PINTAR



FUNGSI PARK@PERAK

- PEMBELIAN KUPON PARKIR
- PEMBELIAN PAS HARIAN
- PEMBELIAN PAS BULANAN
- BAYARAN KOMPAUN
- BAYARAN TEMPAT LETAK KERETA UTC PERAK DAN PASAR AYAM AMANJAYA
- PERMOHONAN EJEN DIGITAL

KAEDAH PEMBAYARAN



CREDIT /
DEBIT CARD



ONLINE
BANGKING



E-WALLET

MUAT TURUN SEKARANG
UNTUK PERANTI ANDROID DAN IOS!



SIDANG REDAKSI

Perasihat

Mohamad Razif bin Ramli, AMP.
Yang Dipertua

Ketua Editor

Shahiri bin Tan
Setiausaha

Penolong Ketua Editor

Makhlis bin Othman

Sidang Editor / Media Sosial

Mohamad Shah Ridla bin Mohd Ismet
Nadhirah binti Hanifah
Nor Hazahayani binti MatZain

Reka Bentuk / Grafik

Fatin Hazwani Binti Tarmidzi

Fotografi

Muhamad Fitri bin Abdul Rahman
Nazrul Aswad bin Nazri
Syed Jamil Hasnan bin Shaikh Hassan

Diterbitkan oleh:

**Majlis Daerah Batu Gajah Jalan Haji Abdul Wahab,
31000 Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan.**

Telefon : 05-363 2020

Faks : 05-366 5930

E-mel : pentadbiran@mdbg.gov.my

Facebook : www.facebook.com/mdbatugajah



MAJLIS DAERAH BATU GAJAH